

Bajet 2017 perlu ringan beban B40, M40

Bajet 2017 yang akan diumumkan kerajaan perlu memfokuskan terhadap kesukaran hidup dihadapi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan pertengahan 40 peratus (M40).

Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata belanjawan negara itu juga perlu memberi tumpuan kepada golongan miskin bandar, di samping luar bandar.

Katanya, kerajaan perlu menyediakan skim jaringan keselamatan sosial kepada golongan yang mudah terjejas dengan perubahan ekonomi, selain perlu memastikan ia menyasarkan kumpulan tertentu secara spesifik dan tepat.

“Kumpulan B40 perlu diberi lebih akses kepada rumah mampu milik, pekerjaan stabil, pendidikan dan latihan kemahiran untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup.

Kurang beban cukai

“Bagi M40, kerajaan perlu mengurangkan beban cukai dihadapi mereka yang tidak layak menerima bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) supaya kuasa beli kumpulan ini dikukuhkan memandangkan mereka adalah pengguna utama ekonomi,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Lam Thye berkata, kerajaan perlu melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan jumlah rumah mampu milik dalam Bajet 2017, selain meningkatkan pengeluaran makanan tempatan bagi mengurangkan kos import, khususnya ketika nilai ringgit masih lemah.

“Kerajaan juga perlu sediakan dana melatih semula graduan, khususnya terhadap penggunaan bahasa Inggeris bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka, selain penyediaan skim pinjaman mudah untuk graduan memulakan perniagaan,” katanya.

Cadangan lain, termasuk meningkatkan pelepasan cukai bagi barangan sukan untuk mengurangkan obesiti dan mengurangkan duti import pada peralatan perlindungan peribadi bagi menggalakkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.



Kumpulan B40 perlu
diberi lebih akses
kepada rumah mampu
milik, pekerjaan stabil,
pendidikan
dan latihan kemahiran
untuk meningkatkan
taraf dan kualiti hidup”

Lee Lam Thye,
Pemegang Amanah
Yayasan 1Malaysia